



**PEJABAT PENGARAH WILAYAH,
PEJABAT LAUT WILAYAH TIMUR,
JALAN HILIRAN,
20300 KUALA TERENGGANU.**

Telephone : 09-6221471
Fax : 09-6233676

PEKELILING PELABUHAN BIL.(70) 15/69 Jld. 2

DARIPADA : Pengarah Laut Wilayah Timur
KEPADA : Pengguna-Pengguna Jet Ski Di Perairan Kuantan.
TARIKH : 23 Februari 1998

KAWASAN PERMAINAN JET SKI DI MUARA SUNGAI KUANTAN.

TARIKH : Berkuatkuasa dari sekarang.

KETERANGAN : Kedalaman air di muara Sungai Kuantan, menyukarkan vesel tempatan untuk keluar/masuk ke pengkalan. Untuk mengelakkan sebarang risiko, vesel-vesel tersebut menunggu kesempatan ketika air pasang dan dengan menggunakan alur pelayaran yang telah dikenalpasti sahaja bagi tujuan keluar/masuk ke pengkalan.

PERINGATAN :

- Untuk mengelakkan sebarang risiko pelanggaran, pemain-pemain Jet ski diminta memberikan kerjasama dengan tidak menghalang laluan di terusan sempit yang dimaksudkan.
- **Persatuan-Persatuan Jet Ski, Badan-Badan Sukan** serta **Hotel-Hotel** yang menawarkan permainan jet ski kepada tetamu mereka diminta bekerjasama mengemukakan kawasan permainan yang telah dikenalpasti (jika ada) untuk tujuan penyelarasan kesesuaian tempat bagi mengelakkan sebarang risiko kemalangan dengan lain-lain pengguna-pengguna laluan air.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD NORDIN BIN IBRAHIM)
b.p. Pengarah Laut Wilayah Timur,
Kuala Terengganu.